

Kabinet UMP suntik semangat baru

KOSMO (Negeri) Khamis 23/10/08 m/s 9

KUANTAN - Dalam keadaan banyak universiti lain hanya akan mengadakan pilihan raya kampus awal tahun depan, barisan kepimpinan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) sudah pun merencana misi perjuangan mereka.

Antaranya ialah melegakan beban kos sara hidup pelajar seperti isu harga makanan yang mahal dalam kampus selain misi lebih besar ke arah membentuk golongan siswazah peka era globalisasi.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti itu bagi sesi 2008/2009, Mohamad Suffi Kamari berkata, sasaran itu menjadi aspirasi utama mereka kerana tidak mahu golongan mahasiswa terhimpit dengan tekanan ekonomi dan perkembangan pesat teknologi.

"Kami ingin memberi keutamaan ke arah memperbanyakkan program ilmu sejagat supaya pelajar bukan sahaja terdedah kepada pengetahuan dan teknologi tempatan tetapi juga di serata du-



DR. DAING NASIR (dua, kiri) berbual mesra dengan Mohamad Suffi (dua, kanan) selepas Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPPUMP di Kuantan semalam.

nia," katanya selepas menerima watikah pelantikan dari Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim di sini semalam.

Mengulas mengenai pilihan raya lalu, pelajar Kejurute-

raan Mekanikal tahun dua itu bangga kerana bilangan yang keluar mengundi adalah tinggi iaitu melebihi 77 peratus daripada kira-kira 4,000 pelajar dengan menggunakan sistem E-Voting pada 16 Ok-

tober lalu.

Turut menerima watikah ialah Timbalan YDP iaitu Mohd. Afis Abdul Aziz, Naib YDP 1, Nik Aini Farah Nik Azhan dan Naib YDP 2, Nur Izzah Zakaria.

SUMBER : KOSMO
TARIKH : 23/10/2008
MUKA SURAT : 9